

22 FEB 1999

Sabah-Abdullah

JENTERA BARISAN NASIONAL DI SABAH BERGERAK DENGAN BAIK

SHAH ALAM, 22 Feb (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata jentera Barisan Nasional (BN) di Sabah sedang bergerak dengan baik.

"Kita akan terus meningkatkan persediaan untuk menghadapi pilihan raya negeri," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perjumpaan dengan pemimpin politik, pegawai dan kakitangan kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan di Dewan Jubli Perak, di sini hari ini.

Timbalan Perdana Menteri kini dalam lawatan sehari ke Selangor.

Abdullah diminta mengulas pembubaran Dewan Undangan Negeri Sabah yang diumumkan Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok selaku Pengerusi BN negeri bagi membolehkan pilihan raya negeri diadakan.

Sementara itu, di KUNDASANG, SABAH, Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu berkata rakyat Sabah perlu memberikan peluang sekali lagi kepada BN untuk memerintah negeri itu kerana ia telah membuktikan kemampuan membawa kemajuan kepada mereka.

Dengan kerjasama erat kerajaan Sabah dan kerajaan pusat, beberapa projek untuk kemajuan rakyat Sabah telahpun berjaya dilaksanakan, kata beliau kepada pemberita selepas meninjau kerja mengatasi masalah cerun bukit di sepanjang jalan Tamparuli ke Ranau di sini hari ini.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata selepas BN mengambil alih kerajaan lima tahun lalu, ekonomi Sabah telah diuruskan dengan baik jika dibandingkan dengan pemerintahan sebelum itu.

Katanya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatannya ke Sabah beberapa hari yang lalu telah memberi jaminan bahawa kerajaan BN akan memastikan sumber kekayaan Sabah tidak disalahgunakan bagi kepentingan diri.

Samy Vellu juga berkata Tan Sri Bernard Dompok menjalankan tugas beliau sebagai ketua menteri dengan cekap, dan mampu mempertahankan hak rakyat Sabah.

-- BERNAMA

MK FAZ MAI